



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian



Datuk Seri S Subramaniam dan Datuk Amar Douglas Uggah Embas mendengar penerangan daripada Datuk Dr Choo Yuen May ketika melawat Galeri Sawit sempena kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB. Turut kelihatan Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.

Kerajaan sedia insentif untuk pekebun kecil komoditi

Oleh Muhammad Asyraf Hussin dan Noor Asmawati Abdul Samad
asyrafhussin@mpob.gov.my
watie@mpob.gov.my

Serian: Kerajaan akan terus membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan melalui penyediaan pelbagai inisiatif dan bantuan kepada pekebun kecil sawit, lada, koko dan komoditi lain yang disalurkan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta agensi-agensinya di bawah kementerian itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, pada masa ini harga komoditi berdepan dengan keadaan turun naik harga di mana ia bergantung kepada permintaan dan penawaran pasaran dunia.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Nagarajan pada majlis perasmian Seminar Transformasi Pekebun Kecil Sarawak yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Katanya, apabila harga komoditi jatuh, pendapatan pekebun kecil akan turut terjejas.

Manfaat bantuan kerajaan

"Justeru, saya harap pekebun kecil dapat menggunakan inisiatif dan bantuan yang disediakan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan.

"Langkah ini juga pada jangka masa panjang akan mengukuhkan peranan sektor pekebun kecil dalam pembangunan industri komoditi negara.

Katanya, bagi pekebun kecil sawit, kerajaan menyediakan skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) bagi membantu pekebun kecil yang berminat untuk menanam semula atau mengusahakan tanaman sawit.

"Bantuan disediakan dalam bentuk input pertanian seperti penyediaan tapak, anak benih, baja dan sebagainya.

Katanya lagi, pekebun kecil sawit yang menanam sendiri tanpa bantuan TSSPK atau TBSPK atau tanpa bantuan dari mana-mana agensi kerajaan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut menyalurkan Skim Bantuan Baja Pekebun Kecil (SBBPK) berjumlah RM3,000 sehektar dan dikhususkan untuk tanaman sawit yang ditanam selepas tahun 2013.

Beliau turut menyarankan agar pekebun kecil tidak bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja serta mempelbagaikan tanaman bagi menambah pendapatan.

"Ia juga untuk memastikan pendapatan pekebun kecil tidak terjejas ketika menghadapi krisis kejatuhan harga komoditi", katanya.

● Lihat Muka 2

KKM, MPIC bincang isu khasiat minyak sawit

» Dialog peringkat global sebar penemuan saintifik perlu diadakan

Oleh Dr Kanga Rani Selvaduray
krani@mpob.gov.my

► Bangi

Isu berkaitan kebaikan dan khasiat pemakanan minyak sawit untuk kesihatan manusia terutama di peringkat global menjadi topik utama yang dibincangkan dalam pertemuan di antara Menteri Kesihatan, Datuk Seri S Subramaniam dengan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini, baru-baru ini.

Sesi perbincangan itu turut dihadiri oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr. Chen Chaw Min; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M. Nagarajan dan Zainal Azman Abu Seman; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman serta pegawai kanan kedua-dua kementerian, MPOB dan wakil Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Datuk Seri S Subramaniam berkata, isu mengenai kebaikan minyak sawit ini diketengahkan semasa persidangan dengan pihak World Health Organisation (WHO).

Beliau menekankan kepentingan sesi ini bagi menyampaikan penemuan saintifik yang baru mengenai kebaikan minyak sawit untuk kesihatan manusia terutama di peringkat antarabangsa.

Justeru, beliau mencadangkan satu sesi dialog peringkat

global diadakan untuk minyak sawit dengan kerjasama dan sokongan WHO bagi memberi penerangan dan menyampaikan maklumat kepada pihak tertentu di peringkat antarabangsa.

Perbincangan dengan KKM

Datuk Amar Douglas Uggah Embas turut bersetuju untuk melaksanakan sesi dialog di peringkat global di samping mengadakan lebih banyak sesi perbincangan dengan KKM.

"Sesi perbincangan seumpama ini memainkan peranan penting untuk mempromosikan kebaikan minyak sawit di samping menyokong perkembangan industri minyak sawit Malaysia.

Sesi perbincangan di antara kedua-dua kementerian diadakan untuk menyampaikan maklumat mengenai isu terkini mengenai minyak sawit terutama dari segi pemakanan serta usaha MPOB dalam menangani isu berkenaan.

Datuk Dr Choo Yuen May menyampaikan taklimat mengenai sejarah kempen anti-

minyak sawit sejak tahun 1980 an dan bagaimana MPOB yang ketika itu dikenali sebagai Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) berjaya mengatasi kempen anti-minyak sawit pada masa itu.

Beliau turut menerangkan isu-isu semasa yang sedang dihadapi di setengah-setengah negara seperti di Perancis, Belgium, Itali, Amerika Syarikat dan Australia serta usaha MPOB dalam menangani isu berkenaan.

Sementara itu, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr Augustine S H Ong selaku Pengerusi Panel Penasihat Antarabangsa Pemakanan MPOB menjelaskan, minyak sawit mempunyai kesan yang serupa dengan minyak zaitun ke atas paras kolesterol mengikut beberapa kajian klinikal yang dijalankan di seluruh dunia.

Beliau juga menekankan, khasiat pemakanan minyak sawit sudah jelas terbukti dengan penemuan saintifik yang kukuh dan patut digunakan untuk mempromosi minyak sawit Malaysia.

Tempoh masa ini merupakan tempoh yang mencabar bagi Malaysia. Keadaan ekonomi dunia yang kurang baik, kadar nilai Ringgit Malaysia yang menyusut berbanding Dollar Amerika, dan kejatuhan harga petroleum turut menjejaskan sektor minyak sawit negara terutamanya kejatuhan harga minyak sawit.

Kerajaan dan industri sawit negara mesti bersama-sama menilai, merancang, merangka strategi dan melaksanakan inisiatif untuk jangka pendek, sederhana dan panjang demi menghadapi cabaran ini.

Bagi jangka masa panjang, penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah penting untuk meningkatkan produktiviti, meningkatkan tambah nilai produk sawit dan kemampuan demi kesejahteraan industri sawit negara.

MPOB International Palm Oil Congress (PIPOC) 2015 yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 6 - 8 Oktober 2015 menyediakan landasan terbaik untuk berinteraksi dan berbincang mengenai inovasi, cabaran dan perkembangan terkini industri sawit.

Pada PIPOC 2013, lebih 7,000 peserta dan pelawat perdagangan dari 50 buah negara telah mengunjungi kongres anjuran MPOB ini yang diadakan dua tahun sekali dan merupakan kongres minyak sawit terbesar di dunia.

Sesi Pleno akan menampilkan enam kertas oleh pakar-pakar industri sawit. Ia akan membincangkan isu-isu kemampuan, genom sawit, oleokimia, kesihatan, ekonomi dan biobahan api serta harga minyak sawit. Evening Forum dengan tema Kongres PIPOC 2015 Oil Palm: Powering the World, Sustaining the Future juga akan diadakan pada hari pertama PIPOC 2015 dan melibatkan lima pakar industri sawit yang akan memberi fokus kepada impak perubahan global terhadap industri sawit. Forum ini dijangka dapat menjana idea baru untuk diguna pakai bagi pembangunan mampuan industri sawit.

Persidangan Agriculture, Biotechnology and Sustainability memberi fokus untuk meningkatkan produktiviti dan memelihara biodiversiti bagi menjamin pembangunan industri sawit negara secara mampan. 25 kertas kerja lisan akan membincangkan antara lain, pengurusan perosak, pembiakan hibrid, aplikasi teknologi bioinformatik, pensijilan mampuan, jejak air dan usaha-usaha dalam pemuliharaan yang telah dilaksanakan oleh industri sawit.

Dalam Persidangan Chemistry, Processing Technology and Bioenergy, 25 kertas kerja akan membincangkan teknologi-teknologi baru pemrosesan pertengahan dan hiliran sawit terutamanya dalam meningkatkan kualiti minyak sawit dan aktiviti tambah nilai. Persidangan ini juga membincangkan persekitaran dan kemampuan industri sawit dari aspek pengurangan pelepasan gas rumah hijau melalui program biogas dan biodiesel serta penggunaan biojisim sawit.

Persidangan Food, Health and Nutrition pula menjurus kepada kegunaan minyak sawit dalam makanan termasuk hasil-hasil penyelidikan terbaru mengenai minyak sawit, pembangunan produk sawit inovatif, fitonutrien sawit dan potensinya untuk kesihatan yang akan dibentangkan dalam 22 kertas kerja lisan. Di samping itu, satu Nutrition Forum bertajuk Palm Oil and Health: Healthy Living with Palm Oil akan diadakan yang melibatkan penceramah antarabangsa yang terkenal.

Persidangan Oleo and Specialty Chemicals dengan 17 kertas kerja lisan akan membincangkan topik-topik mengenai kemampuan oleokimia dan cabaran serta peluang dalam membangunkan industri oleokimia, perkembangan terkini dalam pembangunan produk-produk baru yang mesra alam untuk pengguna serta perkembangan teknologi moden.

Persidangan Global Economics and Marketing pula memberi tumpuan utama kepada kepentingan minyak sawit dalam sektor minyak dan lemak dunia, daya saing industri sawit negara, cabaran-cabaran dalam keadaan ekonomi dunia sekarang, serta prospek perniagaan dan pasaran industri sawit negara menerusi 15 kertas kerja lisan.

Selain kertas kerja lisan, lebih 200 kertas poster akan dibentangkan di PIPOC 2015 dalam kelima-lima persidangan tersebut. Di samping itu, pameran perdagangan yang melibatkan lebih 315 gerai pameran juga akan berlangsung serentak dengan PIPOC 2015 yang merupakan saluran terbaik untuk mewujudkan rangkaian perniagaan serta mempromosi produk-produk dan perkhidmatan berkaitan industri sawit.

PIPOC 2015 akan memberi peluang kepada para peserta untuk mendapatkan maklumat terkini pembangunan industri sawit negara dalam bidang masing-masing. Semua pihak yang terlibat dalam industri sawit adalah dijemput menyertai PIPOC 2015. Maklumat terperinci boleh diperoleh di laman sesawang <http://www.mpob.gov.my>



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB

Menteri MPIC lawat United Plantation Bhd

» Syarikat kongsi maklumat pengurusan sistematik perladangan, pengilangan sawit

Oleh Dr Meilina Ong Abdullah
meilina@mpob.gov.my

► Teluk Intan

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengadakan lawatan ke United Plantations Berhad (UPB) di sini, baru-baru ini.

Lawatan itu bertujuan menjalinkan kerjasama lebih erat antara pihak industri dengan pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta agensi di bawah kementerian itu.

Lawatan Datuk Amar Douglas Uggah Embas diiringi Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May serta pegawai kanan kementerian dan MPOB.

Pengerusi United Plantations, Dato' Carl Bek-Nielsen memberi taklimat berkaitan asal usul UPB yang amat menarik.

Beliau turut menjelaskan penekanan dan komitmen UPB dalam menyumbang kepada komuniti melalui usaha tanggungjawab sosial korporat secara mewujudkan nilai bersama (Creating Shared Value-CSV).

Dalam usaha menangani elemen negatif terhadap industri sawit berkait isu kemampuan, UPB Indonesia telah menjalinkan usaha sama dengan Copenhagen Zoo di mana tanah diketepikan untuk pemuliharaan bagi menggalakkan biodiversiti dan perkembangan hidupan liar.

Delegasi MPIC dan MPOB turut melawat pameran UPB berkaitan penyelidikan yang dijalankan di stesen penyelidikannya di Teluk Intan.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Datuk Dr Choo Yuen May mendengar penerangan mengenai pelbagai jenis baka sawit ketika lawatan ke UPB. Turut kelihatan Dato' Carl Bek-Nielsen.

Selain pakar dalam bidang biabaka dan kultur tisu sawit, UPB juga menghasilkan pelbagai variasi pisang secara mikropropagasi dan baka kelapa yang bermutu tinggi yang dipasarkan oleh Jabatan Pertanian.

UPB adalah satu entiti yang mampan dan berdikari. Kawasan ladang disediakan dengan perumahan pekerja dilengkapi kemudahan asas seperti sekolah, klinik, kedai runcit, tempat beribadat dan bakeri. Bakeri Bernam adalah tempat persinggahan untuk mereka yang sukakan pastri Danish.

Pengurusan sistematik

UPB amat terkenal dengan pengurusan yang sistematik dan mampan dari segi perladangan dan pengilangan sawit. Penghasilan bahan bakar yang menggunakan bahan bukan makanan seperti biojisim sawit dan biogas menjamin bekalan bahan bakar alternatif untuk pengilangan dan penapisan sawit.

Semasa lawatan, Dato' Carl Bek-Nielsen turut memperkenalkan penggunaan 'leopard cat' sebagai satu cara kawalan biologi untuk mengawal populasi tikus.

Pengawal Penyelidikan UPB, Ho

Sui Ming, turut menghuraikan langkah diambil oleh syarikat berkenaan dalam menangani masalah serangan serangga perosak.

Kongsi maklumat

Sementara itu, Pengarah Penyelidikan UPB, Dr Xavier Arulandoo, turut berkongsi maklumat mengenai penggunaan kaedah 'multipleway cross' berbanding 'two way cross' dalam strategi biabaka UPB yang dapat memberi penambahan hasil buah tandan segar sebanyak 2 tan sehektar setahun (penambahan hasil minyak 1.7 t/ha/tahun).

Baka tanaman sawit generasi sekarang memberi hasil pengeluaran minyak 6.2 tan sehektar setahun berbanding tanaman generasi terdahulu yang memberi hasil 5.6 tan sehektar setahun.

Dijangka dengan penggunaan baka terbaru yang masih dalam percubaan, hasil UPB dapat dipertingkatkan ke 7 hingga 8 tan sehektar setahun.

Lawatan itu turut menyaksikan penggunaan alat pemotong hasil ciptaan MPOB iaitu CANTAS yang mampu mengurangkan kos tenaga pekerja.

Sektor komoditi terus dibangunkan

► Dari muka 1

"Sektor komoditi yang merangkumi tanaman sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf merupakan penyumbang utama kepada pembangunan sektor pertanian negara.

Katanya, sektor ini terus diberi keutamaan untuk dibangunkan

memandangkan ia mempunyai potensi yang besar dan sumbangannya kepada pembangunan negara.

Tingkat pendapatan

"Sektor ini juga telah banyak membantu meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf hidup rakyat terutamanya kepada penduduk di kawasan luar ban-

dar", katanya.

Majlis perasmian Seminar Transformasi Pekebun Kecil dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, Dato' Sri Michael Manyin Jawong.

Program yang dihadiri lebih 300 pekebun kecil turut dimekarkan dengan pameran agensi di bawah MPIC termasuk MPOB.

Usaha tingkat harga sawit diteruskan

» *Sentiasa cari langkah untungkan penggiat industri*

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

▀ **Saribas**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata kerajaan sentiasa mencari langkah untuk menstabilkan harga sawit pada paras menguntungkan untuk penggiat industri, terutamanya pekebun kecil.

Beliau berkata kerajaan sedar bahawa harga sawit telah menurun dan ini telah mengurangkan pulangan yang boleh diperoleh oleh pekebun kecil apabila menjual buah tandan segar (BTS).

“Keadaan ini boleh dikawal kerana penurunan harga disebabkan oleh permintaan. Kita perlu



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **menyampaikan bantuan baja kepada pekebun kecil sawit** sempena majlis perasmian Pesta Ikan Buntal.

tingkatkan permintaan untuk naikkan harga,” kata beliau ketika menutup Pesta Ikan Buntal 2015 di Kampung Mangut di sini pada Ahad lalu.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga berkata Malaysia telah mengadakan satu mesyuarat dengan Indonesia baru-baru ini

untuk meneroka langkah baharu bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam industri sawit.

“Mesyuarat ini membincangkan mengenai potensi kerjasama antara Malaysia dan Indonesia dalam membantu pekebun kecil menghadapi cabaran global,” katanya.

Galak jadi ahli koperasi

Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga menyeru pekebun kecil di kawasan Saribas menubuhkan dan menjadi ahli koperasi sawit sebagai usaha untuk meningkatkan lagi sumber pendapatan masing-masing.

“Pekebun kecil menganggotai

koperasi mendapat manfaat melalui pembelian input pertanian secara pukal dan menjual buah tandan segar dengan harga lebih tinggi tanpa melalui orang tengah,” katanya.

Beliau berkata, Koperasi Penanam Sawit Mampan Saratok telah membuktikan kaedah berurusan niaga melalui koperasi memberi manfaat besar kepada ahli-ahlinya.

“Apabila menyertai koperasi, pekebun kecil boleh menjual terus buah sawit mereka ke kilang terutama mereka yang tidak mempunyai kemudahan pengangkutan seperti lori dan sebagainya,” tambah beliau.

Mengenai Pesta Ikan Buntal 2015, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, ikan buntal boleh dijadikan makanan eksotik dan seterusnya menjadi sumber ekonomi baharu penduduk tempatan.

“Penganjuran Pesta Ikan Buntal berjaya mempromosi ikan buntal dan Kampung Mangut, malah secara tidak langsung mengetengahkan bahagian Betong kepada umum hasil produk tersebut,” tambah beliau.

Permintaan minyak sawit di Filipina meningkat



Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad **memukul gong sebagai simbolik perasmian POTS Filipina 2015.**

Oleh **Hisamuddin Mohamad Aspar dan Dr Miskandar Mat Sahri**
hispar@mpob.gov.my, miskandar@mpob.gov.my

Manila: Permintaan terhadap minyak sawit dan lemak di Filipina akan terus meningkat sejajar dengan pertumbuhan penduduk dan perkembangan ekonomi negara itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata demikian

dalam ucapan perasmian Program Pameran dan Seminar Minyak Sawit Malaysia-Filipina (POTS Filipina) yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, di sini baru-baru ini.

Katanya, minyak sawit Malaysia adalah jawapan terbaik bagi memenuhi permintaan minyak dan lemak Filipina. Filipina mempunyai bilangan penduduk seramai 100 juta yang mana sebahagian besarnya adalah daripada golongan muda.

Katanya, situasi itu me-

nyediakan momentum tenaga yang menyumbang kepada kemajuan produktiviti dan ekonomi negara yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan penggunaan minyak dan lemak.

“Minyak sawit Malaysia merupakan alternatif terbaik dan sangat ekonomik dalam memenuhi keperluan minyak dan lemak Filipina, terutamanya apabila pengeluaran minyak kelapa terjejas akibat taufan yang melanda kawasan penanaman kelapa di Filipina pada 2013,” katanya.

Industri makanan

Katanya, Malaysia mengekspor sekitar 494,000 tan minyak sawit ke Filipina pada 2014, di mana 434,000 tan daripadanya adalah minyak sawit yang banyak digunakan dalam sektor makanan khususnya minyak masak untuk kegunaan industri makanan dan isi rumah.

“Lain-lain produk sawit Malaysia yang dieksport ke Filipina adalah minyak isirung sawit, produk oleokimia dan produk-produk siap berasaskan sawit seperti lemak sayuran dan marjerin,” katanya.



Datuk Dr Choo Yuen May **menerangkan mengenai biodiesel sawit** kepada YAM Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim dan YAM Tunku Abu Bakar Iman Ibrahman yang melawat pameran MPOB.

MPOB meriahkan pameran KMJ 2015

Oleh **Muhammad Asyraf Hussin**
asyrafhussin@mpob.gov.my

Johor Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut memeriahkan Program Kembara Mahkota Johor 2015 (KMJ 2015) yang berlangsung di dua daerah iaitu di Muar dan Kluang di sini, baru-baru ini.

KMJ 2015 adalah program yang menyaksikan Sultan Johor, DYMM Sultan Ibrahim ibni Sultan Iskandar berkenan menjelajah ke serata pelusuk negeri Johor berlangsung pada 10 hingga 13 Ogos lalu.

Sempena KMJ 2015, MPOB dijemput untuk mengadakan pameran di Dataran Kampung Pt. Tengah, Air Hitam, Muar dan di Perumahan Kilang Sawit PPNJ, Kahang, Kluang, Johor. Selain MPOB, pameran sempena KMJ turut disertai pelbagai agensi dan jabatan kerajaan lain di negeri Johor.

Di Muar, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May turut menerangkan mengenai teknologi dan produk berasaskan sawit kepada Tunku Panglima Johor, YAM Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim dan Tunku Putera Johor, YAM Tunku Abu Bakar Sultan

Ibrahim yang melawat ke pameran MPOB.

Salur maklumat

Pameran seumpama ini adalah antara inisiatif baik bagi menyalurkan maklumat berkaitan industri sawit kepada masyarakat umum serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan tanaman komoditi utama negara serta produk-produk berasaskan sawit yang Berjaya dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan oleh MPOB.

Selain sebagai platform bagi meningkatkan pengetahuan mengenai sawit, masyarakat umum terutama penduduk luar bandar berpeluang mengetahui mengenai pelbagai bantuan kerajaan yang disalurkan melalui MPOB bagi membantu golongan pekebun kecil sawit khususnya.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad ketika mempengerusikan Forum MPOB-MPOA. Turut serta Datuk Dr Choo Yuen May dan Dr Ruslan Abdullah daripada MPOA.

Forum MPOB-MPOA majukan industri sawit

» Interaksi dua hala dimanfaatkan untuk tindakan susulan lebih efektif

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

✦ **Bangi**

Forum bagi memajukan industri sawit di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sa-

wit Malaysia (MPOA) berlangsung di Ibu Pejabat MPOB, di sini baru-baru ini disertai 60 peserta dari kedua-dua pihak.

Forum ini adalah platform untuk interaksi di antara MPOB dan MPOA yang bertujuan meningkatkan hubungan dua hala yang berterusan, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai industri sawit demi men-

jamin kesejahteraan industri sawit negara.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad ketika merasmikan forum berkenaan berkata, melalui interaksi sebegini, MPOB boleh mengambil tindakan susulan yang efektif, selaras dengan kehendak industri.

Katanya, industri sawit memainkan peranan penting dan salah satu penyumbang terbesar dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Berkembang dengan pesat

"Industri ini telah berkembang dengan pesat dan amat signifikan dalam pembangunan sosioekonomi negara ini.

Katanya, penyelidikan MPOB dalam pelbagai aspek semakin meningkat maju seperti penyelidikan dalam bioteknologi dan biak baka yang berjaya menghasilkan pemetaan genom. Pemetaan genom mewakili peringkat evolusi yang seterusnya dalam program pembiakan baka sawit.

"Usaha ini berjaya menghasilkan pelan tindakan yang paling komprehensif untuk industri sawit.

Katanya, adalah penting industri sawit berkembang sebagai sebuah industri yang mampan yang berlandaskan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi men-

jamin kesejahteraan alam sekitar.

Beliau yang juga mempengerusikan forum itu berkata, semua pandangan, idea dan cadangan yang dikemukakan akan memberi maklum balas yang berharga terutama untuk kepentingan penyelidikan dan hala tuju industri sawit yang lebih mampan dan kompetitif.

Maklum balas isu teknikal

Forum teknikal turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, yang memberikan maklum balas terutama bagi isu teknikal berkaitan penyelidikan dan pembangunan yang dibangkitkan oleh MPOA.

Pelbagai isu teknikal mengenai aktiviti huluan dan cabaran yang dihadapi oleh industri sawit terutamanya berkaitan penanaman sawit dibincangkan.

Antaranya termasuk penambahbaikan baka sawit, penyakit Ganoderma, biological oxygen demand (BOD), penilaian kitaran hayat (LCA) sawit, pelan biosekuriti sawit, penuai sawit bermotor (CANTAS), pemetaan genom, teknologi pengurangan pelepasan habuk, teknologi sisa sifar, penyakit reput pucuk, serangan ulat bungkus serta pengurusan dan pemuliharaan tanah.



MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition

Save The Date

6 - 8 OCTOBER 2015

Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia

Oil Palm:
Powering the World,
Sustaining the **Future**

• 5 CONCURRENT CONFERENCES

- Agriculture, Biotechnology & Sustainability
- Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy
- Oleo & Specialty Chemicals
- Global Economics & Marketing
- Food, Health & Nutrition

• OVER 300 EXHIBITION BOOTHS

• EVENING FORUM

- Theme: Powering the World, Sustaining the Future



MPOB

Organised by:
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia

For more information, please contact:

Ruba'ah Masri (+603-8769 4567) Nurul Aishah Musa (+603-8769 4568)



pipoc2015@mpob.gov.my | www.mpob.gov.my

MPOB terima kunjungan NASH

» Rangka pelan strategik tingkat hasil, ekonomi pekebun kecil

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

BANGI

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May menerima kunjungan Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH), Datuk Aliasak Ambia di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden NASH, Mat Ali Musa. Dalam pertemuan itu, Datuk Dr Choo menyatakan MPOB memberi perhatian penting dan sentiasa menyokong usaha semua pihak memajukan sektor pekebun kecil yang me-



Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan taklimat kepada delegasi NASH.

ngusahakan tanaman sawit khususnya bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Galak pertanian mampan

Selain bantuan kepada pekebun kecil, MPOB mengambil inisiatif menubuh Koperasi Penanam Sawit Mampan bagi menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam amalan pertanian mampan.

Katanya, sehingga tahun 2015, sebanyak 30 buah Koperasi Penanam Sawit Mampan telah ditubuhkan di seluruh negara yang menjalankan urusan niaga jual beli buah sawit, jualan input pertanian seperti baja, racun dan benih sawit.

Datuk Aliasak berkata, usaha MPOB menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampan adalah pendekatan yang stra-

tegik untuk memperkasakan ekonomi penduduk luar bandar dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Perbincangan juga melibatkan permohonan peruntukan kerajaan kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanam semula pokok sawit tua, permohonan lesen bagi menjalankan urusan niaga buah sawit dan kilang sawit.

Elemen minyak sawit dalam silibus sekolah di Malaysia

Oleh Rafizah Mazlan
rafizah@mpob.gov.my

Industri sawit adalah satu sektor penting di Malaysia dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk luar bandar. Pada tahun 2014, industri minyak sawit telah menjana pendapatan sebanyak RM63.6 billion.

Walau bagaimanapun, kesedaran tentang kebaikan nutrisi minyak sawit di kalangan orang ramai didapati masih rendah. Justeru, satu mesyuarat antara Lembaga Minyak Sawit (MPOB) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diadakan baru-baru ini.

Mesyuarat bertujuan menerapkan lebih banyak elemen minyak sawit ke dalam silibus sekolah-sekolah di Malaysia.

Jawab tohmahan

Ia bagi memantapkan tahap pengetahuan pelajar sekolah mengenai kebaikan minyak sawit serta menjawab tohmahan pihak tertentu dari luar negara terutama daripada badan bukan kerajaan (NGO) terhadap industri minyak sawit.

Melalui mesyuarat itu, MPOB berpeluang memberi penerangan mengenai kebaikan pemakanan minyak sawit berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh MPOB serta institusi lain dalam dan luar negara.

Pihak KPM menyambut baik cadangan MPOB untuk menerapkan lebih banyak elemen minyak sawit dalam kurikulum dan ko-kurikulum sekolah di Malaysia.

“Pihak KPM menyambut baik cadangan MPOB untuk menerapkan lebih banyak elemen minyak sawit dalam kurikulum dan ko-kurikulum sekolah di Malaysia”

Beri pendedahan industri sawit

Kedua-dua pihak bersetuju bahawa penting bagi pelajar sekolah mendapat pendedahan yang lebih mendalam tentang industri sawit kerana ia adalah komoditi penting negara dan pemahaman ini perlu dipupuk sejak di bangku sekolah.

Pembabit MPOB dalam aktiviti di peringkat sekolah rendah mahupun menengah seperti Karnival Keusahawanan Sekolah, Hari Keluarga dan Hari Kantin boleh menjadi platform mempertingkatkan imej positif terhadap minyak sawit.

Sokongan daripada syarikat pengeluar minyak sawit tempatan turut dapat membantu dan memberi impak yang lebih baik terhadap usaha ini.

KPM juga menyatakan sokongan dan bersedia untuk bekerjasama dengan MPOB demi masa depan industri sawit Malaysia.



Damrong Kraikruan menandatangani buku pelawat ketika melawat Galeri Sawit MPOB.

Duta Thailand kunjungi MPOB

Oleh Nurhajar Mariam Wan
Jaafar.nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Duta Thailand ke Malaysia, Damrong Kraikruan serta delegasi mengadakan kunjungan ke Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit (MPOB) di sini, baru-baru ini.

Kunjungan singkat itu bertujuan mendapatkan pendedahan berkenaan industri sawit di Malaysia selain mempelajari sektor hulu dan hiliran sawit yang dibangunkan oleh MPOB.

Damrong mengakui kedudukan Malaysia yang jauh lebih maju berbanding Thailand dalam aspek pengeluaran dan teknologi

dalam industri sawit.

Justeru, beliau berkata banyak perkara boleh dipelajari daripada MPOB bagi memajukan industri sawit di Thailand.

Beliau turut mengharapkan kolaborasi daripada MPOB dalam perkongsian idea dan amalan baik yang dipraktikkan bermula daripada sektor perladangan, sehingga pengeluaran produk sawit.

Thailand turut menjadi negara berpotensi untuk mengimport minyak sawit Malaysia dalam kuantiti besar ekoran hasil minyak sawit negara itu banyak digunakan dalam penghasilan bahan api biodiesel, sekaligus menyebabkan stok bagi tujuan pemakanan terhad.

PIPOC 2015 kumpul penggiat minyak sawit dan lemak dunia

Kongres Minyak Sawit Antarabangsa dan Pameran (PIPOC 2015) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan berlangsung dari 6 hingga 8 Oktober 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan adalah perhimpunan terbesar penggiat dalam industri minyak dan lemak.

Acara perdana yang bertemakan 'Palm Oil: Powering the World, Sustaining the Future' menyediakan platform untuk perbincangan dan perkongsian maklumat berkaitan isu semasa dalam industri sawit.

Tarik 8,000 pelawat

Acara ini dijangka menarik lebih 8,000 peserta dan pelawat perdagangan terdiri pemain industri minyak dan lemak dunia termasuk penyelidik, pembuat dasar, pengilang, peniaga dan pengeluar.

PIPOC 2015 memaparkan lima persidangan serentak, iaitu Agrikultur; Bioteknologi dan Kemampanan; Kimia, Teknologi Pemprosesan dan Tenaga Bio; Oleo dan Kimia Khusus; Ekonomi Global dan Pemasaran; dan Makanan, Kesihatan dan Pemakanan.

MPOB turut menganjurkan forum mengenai isu semasa, pameran dengan lebih 300 penyertaan memamerkan teknologi terbaru, lawatan teknikal dan kejohanan golf.

Peluang luaskan rangkaian

PIPOC 2015 adalah acara yang tidak boleh dilepaskan bagi mendapatkan perkembangan terkini serta berpeluang meluaskan rangkaian serta hubungan dalam industri minyak dan lemak dunia.

PIPOC adalah persidangan dwi tahunan industri minyak dan lemak antarabangsa yang memberi tumpuan kepada isu semasa dalam industri sawit. PIPOC 2013 berjaya menarik penyertaan lebih 7,000 peserta dan pelawat perdagangan dari 50 negara.

Peranan utamanya adalah bagi meningkatkan kesejahteraan industri, mendukung wawasan, menyediakan kepimpinan dan pelbagai sokongan bagi pembangunan industri sawit yang mempunyai nilai tambah, mampan dan berdaya saing pada peringkat global.

Serbuk Phoma herbarum Sebagai Agen Kawalan Biologi Rumput Sambau

» Mikroorganisma berkemungkinan dapat atasi masalah kerintangan

Oleh Mohd Hefny Rusli, Shariffah Muzaimah Syed Aripin, Maizatul Suriza Mohamed dan Idris Abu Seman

Rumpai adalah satu perkataan umum untuk tumbuhan yang tumbuh di mana ia tidak diperlukan.

Rumpai sambau (*Eleusine indica*) adalah rumpai yang menimbulkan masalah kepada industri sawit dan tanaman buah-buahan di Malaysia dan disenaraikan sebagai salah satu daripada 10 rumpai yang paling teruk di dunia.

Masalah ini kian serius apabila ia menjadi rintang terhadap semburan racun rumpai.

Keadaan ini boleh berlaku apabila racun yang sama digunakan berulang kali, di antara tiga hingga lima tahun.

Rintang kepada racun rumpai ditakrifkan sebagai keupayaan rumpai untuk terus hidup selepas penggunaan berulang sebatian yang mengawal rumpai asal.

Laporan pertama *E. indica* yang rintang terhadap semburan racun glyphosate dilaporkan berlaku di Teluk Intan, Malaysia pada tahun 1998 apabila racun ini didapati gagal untuk memberikan kawalan yang sepatutnya.

Tahap kerintangan di dalam biotip *E. indica* di Teluk Intan didapati 8 hingga 12 kali ganda lebih tinggi daripada biotip yang tidak rintang terhadap semburan glyphosate.

Rintang *E. indica* biotip juga telah dilaporkan di Amerika Syarikat (AS), China, Bolivia dan Costa Rica.

Ini jelas menunjukkan bahawa masalah *E. indica* yang rintang terhadap semburan racun rumpai akan bertambah besar sekiranya langkah-langkah proaktif tidak dilakukan.

Jadual kesan formulasi serbuk Phoma Herbarum terhadap *Eleusine Indica* pada peringkat tapak semaian.

Rawatan	Kematian <i>E. Indica</i> (%)			
	7 hari	14 hari	21 hari	28 hari
T1 - P. Herbarum pada 10^6 konidia/ml	0	30a	80a	90a
T2 - Kawalan	0	0b	0b	0b

Huruf yang berbeza dalam lajur yang sama menunjukkan perbezaan yang ketara ($p < 0.05$) dengan t-Test. N=20



Formulasi serbuk *Phoma herbarum*

Kajian Keberkesanan Pada Peringkat Tapak Semaian

Kajian pada peringkat tapak semaian dan lapangan telah dilakukan bagi mengenal pasti keberkesanan formulasi agen kawalan biologi *P. herbarum* ke atas rumpai sambau.

Kajian pada peringkat nurseri mendapati bahawa kesan rawatan *P. herbarum* yang diaplikasikan secara semburan ke atas rumpai *E. indica* yang di tanam di dalam pasu (60 pasu / rawatan) mula kelihatan pada hari ke 14, di mana peratus kematian *E. indica* yang dicatatkan ialah sebanyak 30%.

Pada akhir eksperimen, kajian mendapati bahawa 90% daripada rumpai sambau yang di rawat menggunakan formulasi agen kawalan biologi *P. herbarum* mati 28 hari selepas rawatan.

Kajian Keberkesanan Pada Peringkat Lapangan

Kajian peringkat lapangan telah dijalankan di kawasan yang mempunyai rumpai sambau yang banyak serta mempunyai kadar kerintangan yang tinggi kepada racun rumpai glyphosate.

Eksperimen ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuadrat di mana sebanyak 5 kuadrat (2m x 5m) digunakan bagi



E. indica dirawat dengan formulasi serbuk *P. herbarum* menunjukkan 80% kematian pada 35 hari selepas rawatan.

setiap satu rawatan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa peratus kematian *E. indica* meningkat secara ketara selepas 14 hari rawatan dengan menggunakan formulasi serbuk *P. herbarum*.

Seterusnya, peratusan kematian *E. indica* di dapati meningkat daripada 30% (hari ke-14) kepada 70% (hari ke-21) dan kemudiannya 80% (hari ke-28).

Pada akhir eksperimen (35 hari), kajian menunjukkan 80% rumpai sambau yang dirawat menggunakan *P. herbarum* mati berbanding dengan plot kawalan yang tidak dirawat.

Kajian juga mendapati bahawa terdapat 10% *E. indica* di dalam plot kawalan mati pada hari ke-28, namun berdasarkan analisis yang dijalankan, kematian tersebut adalah disebabkan oleh penuaan.

Berdasarkan pemerhatian yang direkodkan, rumpai sambau yang dirawat dengan formulasi serbuk *P. herbarum* dilakukan kembali tumbuh selepas 42 hari.

Sebagai perbandingan, pertumbuhan semula *E. indica* dicatatkan pada 21 hari selepas rawatan apabila racun rumpai konvensional digunakan.

Kesimpulan

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa *P. herbarum* tidak mendatangkan apa-apa kesan ke atas tanaman-tanaman lain seperti cili, terung dan kacang bendi.

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa tanaman daripada famili *Curcubitaceae*, *Poaceae*, *Linaceae* dan *Solanaeceae* mempunyai kerintangan yang tinggi terhadap *Phoma sp.*

Disamping itu, *P. herbarum* juga tidak mendatangkan apa-apa kesan negatif terhadap haiwan atau alam sekitar.

Justeru itu, menerusi kajian kawalan biologi rumpai ini, didapati bahawa formulasi *P. herbarum* yang dibangunkan dapat digunakan untuk mengawal rumpai *E. indica* yang terdapat di ladang-ladang sawit sekaligus mengurangkan kadar penggunaan racun kimia di ladang sawit dan mengelakkan daripada berlaku kadar rintangan yang baru terhadap racun kimia.

Jadual kesan formulasi serbuk Phoma Herbarum terhadap *Eleusine Indica* pada peringkat lapangan

Rawatan	Kematian <i>E. Indica</i> (%)				
	7 hari	14 hari	21 hari	21 hari	28 hari
T1 - P. Herbarum pada 10^6 konidia/ml	0	30a	80a	80a	90a
T2 - Kawalan	0	0b	0b	0b	10b

Huruf yang berbeza dalam lajur yang sama menunjukkan perbezaan yang ketara ($p < 0.05$) dengan t-Test. N=5

Kultur Tisu *Bactris Gasipaes* guna kaedah Kultur Cecair

Oleh Samsul Kamal Rosli, Ahmad Tarmizi Hashim; Zamzuri Ishak dan Zulkifli Yaakub

Bactris gasipaes atau dikenali sebagai peji-baye atau 'peach palm' adalah salah satu tanaman makanan yang berasal dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

Ia juga amat sesuai ditanam sebagai pokok hiasan di laman-laman rumah.

Pokoknya seperti pokok pinang merah. Setiap pokok menghasilkan banyak sulur bagi menghasilkan umbut yang mempunyai tekstur halus.

Buahnya mengandungi kadar protein, vitamin E, karbohidrat dan serat yang tinggi.

Pokok baktris menghasilkan buah yang tinggi sehingga 3.8 tan sehektar setahun.

Setiap kilogram buah baktris secara purata mengandungi, 16-49 g lisin, 8-13g metionin, 10-19g sistein, 27-39 g treonin dan 4,5-7 g triptopan.

Ia juga mengandungi minyak berkualiti tinggi dengan terdapatnya kandungan tinggi sterol pada 4400mg/kg dan vitamin E sejumlah 135mg/kg.

Tambahan pula, baktris amat sesuai untuk penanaman dan pengeluaran sehingga 3 tan sehektar setahun.

Baktris umumnya dibiakkan melalui biji

benih. Pemiakan tampang/vegetatif adalah melalui sulur dan melalui proses kultur tisul.

Satu kaedah pengklonan baktris melalui proses kultur tisul pepejal telah dicipta di MPOB.

Walau bagaimanapun, proses ini amat sukar dan mengambil masa setahun untuk menghasilkan ramet.

Untuk menangani isu ini, sistem kultur cecair telah dicipta untuk meningkatkan lagi kecekapan pengeluaran klon baktris.


Protokol kultur cecair mengambil masa tiga bulan untuk menghasilkan kalus yang sesuai dari akar pokok in vitro. Kalus seberat 0.300g berpotensi menghasilkan sehingga 6.8 kali lebih pucuk melalui sistem kultur cecair berbanding kultur pepejal selepas 12 bulan.

Akar baktris dari anak benih in vitro digunakan sebagai permulaan eksplan.

Segmen akar 1cm panjang dipindahkan ke dalam media induksi kalus iaitu MS Basal, ditambah dengan auksin dan cytokinin.

Kalus mula membentuk di hujung akar dan pada primordia akar selepas satu bulan dalam kultur.


Ia kemudiannya dipindahkan ke dalam media cecair. Selepas dua bulan, sel-sel matang dipindahkan ke medium pepejal untuk membolehkan pembentukan embrioid dan pucuk.



Kaedah kultur cecair *Bactris gasipaes*.



Pokok baktris



Buah baktris



Umbut baktris

ICOPM2

INTERNATIONAL COMPETITION ON OIL PALM MECHANISATION

Organized by MPOB

Enter now & stand a chance to

WIN US\$ 1 million

WE CRAVE INNOVATION

The International Competition on Oil Palm Mechanisation is back - bigger and better! ICOPM 2 will pit the world's best innovators against each other as they develop the ultimate machine to maximise upstream productivity.

DO YOU?

If you think you have what it takes to revolutionise the oil palm industry, now is the time to show what you can do.

Secretariat for International Competition on Oil Palm Mechanisation:
 Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
 No. 6, Persiaran Institusi
 Bandar Baru Bangi
 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
 E-mail: icopm@mpob.gov.my

Closing Date:
30 November 2015

To register, log on to:
www.mpob.gov.my/ICOPM
*Terms & Conditions Apply

Rumpai sambau (*Eleusine indica*).



PMS sumber rujukan maklumat sawit

» Sediakan perkhidmatan maklumat di pejabat cawangan MPOB

Oleh Fatimah Hanim Mohd Zain fatimah@mpob.gov.my

Pusat Maklumat Sawit (PMS) adalah satu daripada usaha gigih untuk memartabatkan maklumat dan pengetahuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sawit yang dijana oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Selain di Ibu Pejabat MPOB, PMS menyediakan perkhidmatan maklumat di pejabat cawangan MPOB seperti MPOB Kelana Jaya, MPOB Wilayah Sabah, MPOB Kluang dan MPOB Wilayah Timur.

Empat perkhidmatan berasas maklumat menjadi aktiviti utama kepada pusat ini iaitu:



Perpustakaan Sumber
Koleksi utama yang terdapat di perpustakaan ini adalah hasil intelek R&D yang dijana dari makmal dan loji rintis dalam bentuk monograf, paten, standard, laporan, tesis dan sebagainya. Perpustakaan juga menyediakan bahan rujukan yang komprehensif bagi bidang-bidang yang berkaitan dalam format bercetak dan online. Pengguna boleh menjadi ahli berdaftar secara langganan.



Portal PALMOILIS
PALMOILIS berfungsi sebagai hub maklumat dan pengetahuan sawit yang merupakan gerbang perpustakaan digital MPOB.



Galeri Sawit
Pusat ini menyediakan ruang promosi dan pameran teknologi sawit yang dihasilkan oleh penyelidik MPOB. Ia adalah pusat sains khusus untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman awam mengenai sawit dengan mempamerkan evolusi industri sawit Malaysia dengan memfokuskan sumbangan R&D, aktiviti penguatkuasaan dan pellesen serta pembangunan industri dan ekonomi dalam sektor hulu, pertengahan dan hiliran.



PalmShoppe
PalmShoppe berfungsi sebagai pusat jualan penerbitan berkaitan sawit, cenderahati dan lain-lain koleksi. Ia adalah pusat promosi produk hasil Perjanjian Pemindahan Teknologi (TOT) dengan pihak industri.



PALMOILIS
PALMOILIS – Palm Oil Information Online Service, adalah portal rasmi Pusat Maklumat Sawit, MPOB. Ia adalah gerbang perpustakaan digital MPOB yang menyediakan khidmat carian, pautan dan muat turun maklumat secara online kepada pengguna. Di samping perpustakaan di-

gital, PALMOILIS juga adalah hos kepada beberapa penerbitan utama MPOB seperti *Journal of Oil Palm Research (JOPR) microsite*, *MPOB e-Journals*, *MPOB Technologies*, *Warta Sawit* dan sebagainya. Maklumat lanjut berkaitan portal boleh dilayari di <http://palmoilis.mpob.gov.my>



Zulkarnaen Ahmad (depan, tengah) bersama ahli Persatuan Peniaga Buah Sawit Johor Utara.

MPOB lancar Ops Muda cegah tuaian, belian buah sawit muda

Muar: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Wilayah Selatan melancarkan Ops Muda secara besar-besaran selama tiga bulan di negeri Johor bertujuan memastikan tiada kehadiran buah sawit muda di pasaran yang boleh menjejaskan kualiti minyak sawit.

Ketua MPOB Wilayah Selatan, Zulkarnaen Ahmad, berkata Ops Muda itu dilaksanakan dalam usaha memberi kesedaran ke-

pada pekebun kecil dan peniaga buah sawit agar tidak menuai atau membeli buah sawit yang tidak masak kerana ia menyumbang kepada kejatuhan kadar perahan minyak (OER).

“Ia sekali gus melibatkan harga yang diterima pekebun kecil dan peniaga turut menurun. MPOB melancarkan Ops Muda bermula di Johor dan akan diperluas ke negeri lain selepas ini bagi membendung penua-

ian dan pembelian buah muda yang boleh menjejaskan kualiti minyak sawit.

Nilai keberkesanan pegawai

“Ops Muda juga akan menilai keberkesanan pegawai MPOB di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) yang ditempatkan di kilang-kilang sawit sejak 2011 dengan objektif meningkatkan kadar OER”, katanya dalam satu

majlis di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Persatuan Peniaga Buah Sawit Johor Utara, Mohd. Janis Abu Bakar; Timbalannya, Tioh Tiam Heng dan Pengerusi Persatuan Peniaga Sawit Negeri Johor (JODA), Andrew Chiew.

Zulkarnaen berkata, purata pencapaian kadar OER di Johor sehingga Jun lalu ialah 19.89% berbanding 20.60% sasaran untuk tahun ini manakala penerimaan buah muda sebanyak 5.2 peratus berbanding buah masak sebanyak 73 peratus, manakala bakinya buah mengkal.

Menurutnya, sebagai negara pengeluar komoditi minyak sawit kedua terbesar selepas In-

donesia, semua pihak yang terlibat dalam industri sawit perlu sama-sama meningkatkan produktiviti dan kualiti.

“MPOB amat berharap semua peniaga dapat memberikan kerjasama sepanjang Ops Muda dijalankan dengan melaksanakan pengedaran buah sawit yang dibeli daripada pekebun kecil bagi meminimumkan penerimaan buah sawit muda.

“Apabila kualiti buah sawit yang diterima menepati Manual Pengedaran Buah Sawit yang dikeluarkan MPOB, kadar OER akan turut meningkat dan memberi pulangan harga yang baik kepada peniaga dan pekebun kecil,” katanya.

“MPOB amat berharap semua peniaga dapat memberikan kerjasama sepanjang Ops Muda dijalankan dengan melaksanakan pengedaran buah sawit yang dibeli daripada pekebun kecil bagi meminimumkan penerimaan buah sawit muda”

Zulkarnaen Ahmad,
Ketua MPOB
Wilayah Selatan

Pusat TUNAS beri tunjuk ajar sawit

» **Laksana pelbagai aktiviti pemindahan teknologi kepada pekebun kecil sawit persendirian**

Oleh Nurhanani Mansor
nurhanani@mpob.gov.my

MPOB melalui Pusat TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit), Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (IRED) diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pemindahan teknologi kepada golongan sasaran iaitu pekebun kecil sawit persendirian.

Pekebun kecil sawit persendirian ditakrifkan sebagai individu yang memiliki tanah yang ditanam dengan sawit dengan keluasan kurang daripada 40.46 ha atau 100 ekar.

Sehingga 30 Jun 2015, terdapat seramai 217,679 pekebun kecil dengan keluasan 852,459 hektar telah didaftarkan dengan MPOB.

Pusat TUNAS ditubuhkan pada September 2002 dan memulakan operasi pada Januari 2003. Objektif penubuhan Pusat TUNAS adalah untuk membantu pekebun kecil sawit meningkatkan



Pekebun kecil didedahkan aktiviti pengedaran sawit.

produktiviti dan taraf sosio-ekonomi.

Usaha itu dilakukan berterusan dan bersepadu menerusi penempatan Pegawai TUNAS di 52 buah pejabat wilayah dan cawangan MPOB seluruh negara.

Taburan lokasi pejabat adalah 30 buah di Semenanjung, manakala di Sabah dan Sarawak masing-masing 11 pejabat. Sehingga kini, jumlah Pegawai TUNAS telah meningkat daripada 50 kepada 265 orang sejak ianya mula ditubuhkan.

Daripada jumlah ini, 168 orang pegawai mempunyai kawasan se-

liaan masing-masing yang dikenali sebagai pegawai TUNAS Kawasan (PTK). Setiap PTK bertanggungjawab menjalankan aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi di kawasan seliaan mereka.

Latihan khas

Pegawai TUNAS diberi latihan khas dan dilengkapi dengan pengetahuan mencukupi mengenai teknologi baru, pengurusan, amalan penanaman sawit dan agonomi yang baik serta bersedia melaksanakan bimbingan dan tunjuk ajar kepada penanam sa-

wit di seluruh negara.

Antara aktiviti Pusat TUNAS adalah memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pekebun kecil terutama dalam aspek amalan pengurusan tanaman sawit secara berkualiti serta penggunaan teknologi dan inovasi baru yang berupaya meningkatkan produktiviti akan didedahkan kepada penanam sawit di seluruh negara.

Semua teknologi terkini MPOB yang bersesuaian dengan pekebun kecil akan disampaikan terus kepada golongan sasaran melalui Pegawai TUNAS.

Pegawai TUNAS bersedia memberikan tunjuk ajar dan bimbingan secara teori dan praktikal mengenai pengurusan tanaman sawit yang cekap dan amalan agonomi yang baik bagi mencapai peningkatan BTS.

Beberapa program dan kursus telah disusun supaya pemindahan teknologi ini dapat dilaksanakan secara berkesan. Dalam tempoh tiga belas tahun Pusat TUNAS ditubuhkan, pelbagai aktiviti dilaksanakan dan memberi kesan positif kepada pekebun kecil sawit persendirian.

Antara program dan kursus yang dianjurkan oleh Pusat TUNAS untuk pekebun kecil sawit adalah Kursus Sehari Sawit untuk pekebun kecil, program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan, Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit, Lawatan Sambil Belajar Pekebun Kecil dan Program Promosi Bantuan Kerajaan.

Selain itu, Pusat TUNAS juga

menguruskan bantuan kepada pekebun kecil (Bantuan Tanam Semula, Tanam Baru, Skim CANTAS dan Bantuan Baja Pekebun Kecil) dan menjalankan pertunjukan kaedah dan lawatan khidmat nasihat kebun secara individu, lawatan Pensijilan GAP serta menerbitkan dan mengedarkan bahan bacaan seperti majalah Warta Sawit dan risalah berkaitan teknologi sawit yang sesuai untuk pekebun kecil.

Buku rekod ladang

Pegawai TUNAS juga membekalkan buku rekod ladang (BRL) kepada pekebun kecil dan mengajar mereka cara merekodkan aktiviti jual-beli sawit di dalam BRL.

Bagi memperkasakan lagi program Pusat TUNAS, pelbagai inisiatif baru diperkenalkan kepada pekebun kecil. Antaranya adalah dengan menubuhkan Kelompok Penanam Sawit Mampan atau Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC).

Dua komponen penting dalam program SPOC ialah pensijilan kebun (MPOB GAP/COP/MS-PO/RSP) dan penubuhan koperasi penanam sawit mampan (KPSM).

Pensijilan kebun bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil sawit pekebun kecil secara mampan melalui amalan pertanian baik (GAP), manakala, penubuhan koperasi pula untuk menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama.

e-Pelelesen pekebun kecil

Oleh Noor Azizul Ibrahim
azizul@mpob.gov.my

Bilangan pekebun kecil persendirian yang berdaftar dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sehingga Jun 2015 adalah berjumlah 214,739 orang dengan keluasan tanaman sawit mencecah 849,471.74 hektar.

Bilangan pekebun kecil paling ramai dicatatkan di negeri Johor berjumlah 69,353 orang, diikuti Perak (37,252), Sabah (33,429), Sarawak (27,215) dan Selangor (19,778). Pecahan lengkap bilangan pekebun kecil mengikut negeri seperti dalam jadual.

Bagi memudahkan pekebun kecil mendaftar dengan MPOB, satu sistem secara atas talian iaitu e-Pelelesen Pekebun Kecil disediakan.

Pekebun kecil boleh melayari sesawang <http://e-lesenpk.mpo.gov.my> untuk mendaftar.

Sistem e-Pelelesen Pekebun Kecil menawarkan urusan pelese-

Wilayah	Negeri	Bilangan	Kelulusan (hektar)
Wilayah	Perak	37,252	106,769.03
	P Pinang	1,742	5,941.82
	Kedah	5,139	24,330.97
	Perlis	11	67.20
Tengah	Selangor	19,778	43,329.23
	N Sembilan	4,802	22,860.95
	Melaka	2,313	10,769.49
Selatan	Johor	69,353	206,743.15
Timur	Pahang	9,780	44,252.99
	Terengganu	2,687	10,649.51
	Kelantan	1,238	4,808.62
Sabah	Sabah	33,429	21,156.92
Sarawak	Sarawak	27,215	146,791.86
Jumlah		214,739	849,471.74



Sistem e-Pelelesen Pekebun Kecil.

nan MPOB secara elektronik yang mesra pengguna, telus, dan lebih cepat.

Berslogankan 'Di Mana-Mana dan Pada Bila-Bila Masa', e-Pelelesen Pekebun Kecil boleh dibuat di mana-mana capaian internet dan pada bila-bila masa.

Permohonan secara elektronik sepenuhnya ini adalah lebih telus, mudah dan mesra disamping semakan status permohonan juga boleh dibuat melalui sistem.

Kriteria Permohonan Lesen:

1. Kategori Permohonan:
i. Bagi Individu – Salinan Kad Pengenalan

ii. Bagi Syarikat – Borang SSM (Borang D/Borang 24)

2. Salinan Dokumen berkaitan:

i. Salinan Geran; atau

ii. Surat Perjanjian; atau

iii. Surat Penganahan daripada

Ketua Kampung/Penghulu/Tuai Rumah (bagi tanah yang tidak bergeran seperti Tanah Rezab, Tanah Tol, Tanah NCR, Tanah PT dan lain-lain)

Pekebun kecil boleh memohon bantuan mana-mana pegawai di pejabat MPOB terdekat atau memohon bantuan daripada peniaga buah sawit untuk membuat pendaftaran.

Kebaikan minyak sawit diperakui secara saintifik

» Produk turut menjadi pilihan pengilang makanan kerana separa pejal

Palm International Nutra-Cosmeceutical Conference 2015 yang dianjurkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia telah berakhir pada 4 Ogos 2015 yang lalu, namun impak daripada persidangan berkenaan memberi kesedaran tinggi mengenai nilai

nutrisi minyak sawit.

Minyak sawit sudah lama diperakui memiliki dua kandungan vitamin yang penting iaitu Vitamin E tokotrienol dan pro-vitamin A karotenoid. Tokotrienol sukar didapati secara komersial dan pada harga yang berpatutan melainkan dari sumber sawit, manakala kandungan karotenoid yang dimiliki minyak sawit pula jauh melebihi kandungan daripada sumber tomato, mahupun lobak merah. Minyak sawit juga terbukti dapat membekalkan khasiat karotenoid yang diperlukan dalam mengekalkan kesihatan mata dan mencegah kebutaan.



Kesan positif

Keberkesanan minyak sawit dalam menangani pelbagai penyakit telah dibuktikan melalui hasil kajian saintis yang menunjukkan

kesan positif penggunaan Vitamin E tokotrienol dan pro-Vitamin A karotenoid dalam kehidupan manusia.

Malahan kajian yang masih berlangsung mengenai fenolik sawit iaitu cecair yang terkumpul ketika pemrosesan minyak sawit menunjukkan kebaikannya dalam menangani masalah kesihatan seperti diabetes, kanser dan sklerosis. Ini telah diumumkan oleh Dr S Ravigadevi dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Dr Smiti Gupta dari Wayne State University, Amerika Syarikat pula sedang membuat kajian mengenai keberkesanan kedua-dua Vitamin E tokotrienol dan fenolik sawit dalam membendung pembiakan sel kanser pankreas. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah tokotrienol berjaya mengurangkan glutasi dalam badan yang berfungsi meningkatkan ketahanan ketumbuhan pesakit terhadap rawatan kemoterapi.

Pakar perubatan lain turut menyokong peranan besar yang dimainkan oleh minyak sawit dalam pencegahan dan rawatan penyakit. Ini ditambah pula dengan kesimpulan hasil kajian oleh pelbagai pihak mengenai tiada hubungkait antara risiko penyakit jantung dan pemakanan minyak sawit.

Lebih menguntungkan pengguna ialah kekuatan tokotrienol dalam melindungi neuron otak daripada kemerosotan kesihatan. Tumpuan kajian juga termasuk pada kebolehan mengurangkan kesan daripada penyakit dementia, satu penyakit yang disebabkan oleh gangguan keupayaan kognitif yang mengakibatkan kemerosotan daya ingatan, daya berfikir, daya merancang dan penjagaan sendiri.

Selain penyakit kanser pankreas, tokotrienol juga memaparkan kemampuan untuk menahan pertumbuhan sel kanser payudara dan paru-paru.

Masih undang komen negatif

Meskipun minyak sawit begitu berkhasiat dan kandungannya menjadi subjek pelbagai kajian, penggunaannya masih mengundang komen negatif yang berterusan oleh pihak yang masih mahu mempertikaikan keupayaannya berdasarkan kurangnya pemahaman mengenai kandungan minyak sayuran ini.

“Pakar perubatan lain turut menyokong peranan besar yang dimainkan oleh minyak sawit dalam pencegahan dan rawatan penyakit. Ini ditambah pula dengan kesimpulan hasil kajian oleh pelbagai pihak mengenai tiada hubungkait antara risiko penyakit jantung dan pemakanan minyak sawit”

Cabaran utama minyak sawit adalah tanggapan negatif akibat daripada tuduhan tidak berasas mengenai kandungan lemak tepu yang dimiliki. Keburukan yang sering dikaitkan dengan lemak tepu walaubagaimanapun disangkal oleh Professor Dr Roger Clemens dari University of Southern California (USC), Amerika Syarikat. Beliau menegaskan bahawa lemak tepu, yang diambil pada tahap yang bersesuaian dengan individu adalah teras kesihatan dan diet bagi masa hadapan. Sebarang anggapan bahawa lemak tepu tidak boleh diambil langsung pada apa jua sukatan kerana membahayakan kesihatan manusia, bukan berdasarkan bukti saintifik.

Kenyataan Dr Roger adalah penting memandangkan salah faham utama yang berleluasa mengenai minyak sawit wujud semata-mata berdasarkan kandungan lemak tepu tersebut. Malahan minyak sawit bukan sekadar mempunyai lemak tepu sahaja tetapi adalah seimbang kerana turut mempunyai lemak tak tepu dalam peratusan yang sama. Penyeimbangan ini penting bagi suatu minyak agar khasiatnya menyerlah.

Pengganti lemak trans

Kajian yang telah dan masih dilakukan turut mengetengahkan keupayaan minyak sawit sebagai pengganti lemak trans terbaik dalam penghasilan produk makanan untuk mengekalkan kesihatan para pengguna. Dr Elena Fattore dari 'Mario Negri' Institute for Pharmacological Research, Italy turut menegaskan, apabila minyak sawit digunakan untuk menggantikan lemak trans, kesan positif ditemui bagi kesihatan jantung.

Bahawa lemak trans telah diketahui ramai apatah lagi Food and Drug Administration Amerika Syarikat sejak Jun 2015 mahukan penggunaan lemak trans dalam pembuatan makanan dihentikan. Lemak trans terhasil apabila minyak sayuran yang digunakan dalam pemrosesan makanan, perlu melalui proses hidrogenasi terlebih dahulu. Ini bagi memejalkan minyak berkenaan sebelum dapat digunakan oleh pengilang makanan bagi menghasilkan sesuatu produk makanan. Kesan buruk proses hidrogenasi bagaimanapun menghasilkan lemak trans. Ini mengakibatkan makanan kegemaran ramai seperti piza, biskut, kerepek dan banyak lagi menjadi tidak sihat.

Penggunaan minyak sawit menjadi pilihan pengilang makanan kerana bentuk semulajadinya yang separa pejal. Maka, ia tidak perlu melalui proses hidrogenasi sebelum digunakan seperti minyak sayuran lain. Susulan dari pengharaman penggunaan lemak trans tersebut, minyak sawit telah mendapat perhatian meluas sebagai alternatif terbaik untuk kesihatan pengguna. Ini seiring dengan peningkatan kesedaran mengenai kebaikan minyak sawit melalui pelbagai hasil kajian perubatan.



Layari www.palmoilv.org untuk pelbagai maklumat dan video menarik mengenai minyak sawit.



palmoilv
www.palmoilv.org

Kursus operasi mekanisasi ladang galak belia ceburi sektor perladangan sawit

Malaysia sering menjadi tumpuan warga asing untuk mencari pekerjaan dan dianggarkan lebih 800,000 pekerja asing bekerja di sektor perladangan komoditi.

Tidak dinafikan mereka memainkan peranan penting dalam pembangunan industri sawit negara.

Ini kerana anak tempatan kurang berminat melibatkan diri terutama di sektor tersebut dan menyebabkan negara terpaksa bergantung kepada tenaga buruh asing dalam menjayakan industri sawit.

Kerajaan sentiasa berusaha bagi mengurangkan kebergantungan ini. Usaha ini disokong sepenuhnya melalui beberapa teknologi perladangan dan peralatan mekanisasi yang dicipta.

Mekanisasi diharapkan mampu membantu mengurangkan beban dan meningkatkan produktiviti pekerja. Tetapi ia tidak mampu mengambil alih keseluruhan tenaga yang dimonopoli pekerja asing. Bagaimanapun ia suatu usaha yang dapat mengurangkan bilangan mereka.

Masa depan industri sawit adalah cerah berdasarkan permintaan yang meningkat dari pengguna di seluruh dunia. Industri sawit bakal mewujudkan ribuan peluang pekerjaan kepada generasi akan datang. Peluang ini terbuka kepada rakyat Malaysia terutama belia tempatan. Ia bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan pembangunan modal insan. Juga melahirkan tenaga kerja tempatan yang mahir, berpengetahuan dan berkebolehan.

Perkembangan pesat industri sawit, mendorong kerajaan mewujudkan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Muhammad Nur Fikri 'Azizi
(No. K/P: 980503-14-5145)
Sekolah Menengah Selayang
Baru68100 Batu Caves, Selangor

pusat latihan bagi melatih golongan belia tempatan yang berminat menceburi kerjaya dalam industri komoditi ini.

Bagi meningkatkan minat dan kecekapan mereka ini, menceburi bidang mekanisasi ladang, MPOB menawarkan Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML).

Sejak tahun 2006 hingga kini, ia telah mengeluarkan seramai 1,815 graduan yang terdiri daripada lepasan sekolah dan individu yang ingin menambah kemahiran. Mereka menjadi pekerja mahir dan separa mahir yang mampu mengurangkan sedikit kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

KOML ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelatih dari aspek teori dan praktikal. Ia menjurus kepada kemahiran tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan khususnya berkaitan aspek mekanisasi ladang. Di samping itu, ia juga bertujuan memberi peluang kepada individu

yang terlibat dalam industri sawit untuk turut serta bagi memperbaiki serta menambah kemahiran mereka dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran diri dan produktiviti.

Pelatih juga berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran diperolehi dengan menjadi usahawan dalam bidang penjenteraan ladang atau berkaitan. Sektor perladangan bukan saja menyediakan peluang pekerjaan di ladang malah ada juga di bahagian pengurusan.

Kursus yang dilaksanakan diharapkan dapat merangsang pembangunan sektor sawit supaya lebih moden dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pusat latihan yang diwujudkan akan terus menyediakan dan menganjurkan kursus yang sesuai sepertimana kehendak pasaran bagi menarik minat belia lepasan sekolah dan pengajian tinggi bekerja di sektor perladangan.

Usaha untuk menarik minat belia kembali merencanakan ladang sawit akan memastikan industri terbesar negara ini akan terus berkembang dan memberikan sumbangan yang utama kepada negara.

Adalah menjadi aspirasi MPOB agar penyertaan golongan muda dapat menyumbang tenaga bagi memperkukuhkan industri, khususnya dalam bidang mekanisasi di perladangan sawit kerana ianya dapat membantu meningkatkan produktiviti.

Hanya yang terlatih dan mahir saja yang mampu bekerja secara produktif. Belia ini pastinya akan menjadi tonggak penggerak untuk kemajuan industri sawit negara.

Pekebun kecil perlu berpengetahuan tingkat produktiviti tanaman sawit'

Pekebun kecil adalah antara kelompok terbesar di dalam industri sawit negara. Secara kasar bilangan pekebun kecil yang terlibat dalam industri ini agak ramai dan begitu signifikansi sekali dalam penghasilan jumlah hasil sawit negara.

Justeru, penghasilan sawit menerusi peningkatan produktiviti begitu penting bagi memastikan pekebun kecil terus menyumbang kepada hasil negara disamping melakukan pelbagai penambahbaikan agar dapat meningkatkan daya saing.

Perubahan minda pekebun kecil dapat dilakukan melalui transformasi minda di kalangan mereka sejajar usaha transformasi pembangunan pekebun kecil yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui MPOB.

Melalui perubahan minda banyak pencapaian boleh dilakukan kerana ia mengubah cara mereka berfikir seterusnya melakukan tindakan hebat, sekaligus meningkatkan produktiviti tanaman sawit mereka. Ini hanya dapat dilakukan melalui peningkatan pengetahuan pekebun kecil agar dapat dipraktikkan dalam aktiviti penanaman sawit.

Peningkatan produktiviti berkait rapat dengan pengetahuan, amalan, cara, kaedah dan teknologi yang digunakan. Ilmu pengetahuan adalah aset kepada pekebun kecil di dalam memajukan perusahaan sawit dan seterusnya dapat mempraktikkan apa yang diketahui atau dipelajari untuk dimanfaatkan dengan baik di dalam kegiatan harian.

Pekebun kecil dapat menambahkan pengetahuan mereka melalui berbagai cara. Sebagai contoh ialah dengan menghadiri seminar atau kursus yang dianjurkan oleh MPOB. Melalui seminar



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Haslan Mohamad
(No. K/P: 750509-04-5109)
Taman Skudai Baru
81300 Skudai, Johor Bharu

yang diadakan, MPOB memberi penerangan yang jelas, tunjuk ajar dan khidmat nasihat kepada pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan sejajar usaha transformasi pembangunan pekebun kecil dilaksanakan kerajaan.

Seminar bukan sahaja bertujuan mengesakan pekebun kecil melakukan perubahan minda tetapi juga memberi berbagai informasi terkini tentang industri sawit negara. Pekebun kecil yang sering mengikuti kursus dan seminar akan melengkapi diri mereka dengan berbagai ilmu pengetahuan demi memastikan produktiviti tanaman mereka dapat ditingkatkan.

Pekebun kecil yang berpengetahuan dapat memahami dasar yang dijalankan oleh kerajaan seperti pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit yang telah membantu ramai pekebun kecil meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka dengan menyediakan bantuan untuk tanaman semula

dan tanaman baru.

Di bawah NKEA ini pekebun kecil lebih memahami hasrat kerajaan dan berusaha mendapatkan pensijilan pengeluaran minyak sawit mampan yang dikenali Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) di bawah kendalian Malaysia Palm Oil Certification Council (MPOCC). Melalui standard pensijilan minyak sawit mampan MSPO pekebun kecil dapat meningkatkan produktiviti dengan menghasilkan buah sawit berkualiti dengan tawaran harga lebih tinggi dan seterusnya berpotensi untuk dipasarkan di luar negara dengan lebih cerah.

Disamping itu ia juga dapat meningkatkan pengetahuan pekebun kecil berkaitan cara penggredan yang lebih baik, mengenali buah tandan segar (BTS) yang berkualiti dan kaedah pengiraan harga buah sawit yang ditawarkan oleh pihak pengilang dan peniaga buah sawit agar mendapat harga yang setimpal.

Pekebun kecil yang berpengetahuan dapat meningkatkan produktiviti tanaman sawit mereka dengan mengetahui lebih banyak skim yang ditawarkan agensi kerajaan MPOB. Semua skim bantuan memberi manfaat kepada pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman sawit dan menghasilkan BTS lebih bermutu.

Berdasarkan perbincangan di atas adalah begitu penting bagi pekebun kecil industri tanaman sawit untuk berpengetahuan selaras konsep pembelajaran sepanjang hayat (lifelong learning) agar memastikan produktiviti tanaman sawit mereka sentiasa dapat ditingkatkan dan berdaya saing di pasaran tempatan dan peringkat antarabangsa.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN SEPTEMBER 2015

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Minyak sawit kaya pelbagai khasiat. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
⊙ Hadiah Pertama : RM250
⊙ Hadiah Kedua : RM200
⊙ Hadiah Ketiga : RM150

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Pembangunan industri sawit beri sumbangan kepada ekonomi negara. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Oktober 2015 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2015

Pemenang Kategori 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Muhammad Nur Fikri 'Azizi
(No. K/P: 980503-14-5145)
Sekolah Menengah Selayang Baru,
68100 Batu Caves, Selangor

Hadiah Kedua
Nur Azizi Roslan
(No. K/P: 980111-14-5509)
SMK Seri Selayang
68100 Batu Caves, Selangor

Hadiah Ketiga
Tiada Pemenang

Pemenang Kategori 2
Awam

Hadiah Pertama
Haslan Mohamad
(No. K/P: 750509-04-5109)
Taman Skudai Baru,
81300 Skudai, Johor Bharu

Hadiah Kedua
Nur Nadiah Sulaiman
(No. K/P: 921112-03-5694)
Kampung Bukit Tin,
18500 Machang, Kelantan

Hadiah Ketiga
Sherill Aida Subani
(No. K/P: 860530-23-6708)
Solok Wan Moh
83000 Batu Pahat, Johor

Syarat Penyertaan

- ⊙ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ⊙ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ⊙ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ⊙ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan dan sertakan sekeping gambar ukuran passport
- ⊙ Keputusan juri adalah muktamad
- ⊙ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 September 2015
- ⊙ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa, Datuk Seri Mustapa Mohamed ketika mesyuarat bersama Menteri Koordinator Bidang Kemaritiman, Rizal Ramli serta Menteri Perencanaan Nasional, Sofyan Djalil dari Indonesia berkaitan industri sawit.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menangguk ikan buntal sebagai simbolik **perasmian Pesta Ikan Buntal** yang diadakan di Kampung Mangut, Saribas, Betong, Sarawak.



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Menteri Kesehatan, Datuk Seri S Subramaniam **bergambar bersama delegasi lawatan ketika kunjungan ke MPOB.** Turut kelihatan, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Chen Chaw Min; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.



Pekebun kecil yang menyertai **Seminar Transformasi Pekebun Kecil Sarawak di Serian** bergambar bersama Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, Dato' Sri Michael Manyin Jawong (duduk enam dari kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M Nagarajan (duduk lima dari kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MPIC, Zainal Azman Abu Seman (duduk tujuh dari kiri).